

Bil. S 46

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH ESTABLISMEN KECANTIKAN DAN KESIHATAN, 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang
2. Tafsiran
3. Pihak berkuasa melesen
4. Pegawai yang diberi kuasa

BAHAGIAN II

LESEN

5. Lesen untuk menjalankan establismen kecantikan dan kesihatan
6. Permohonan lesen
7. Pembatalan kelayakan
8. Tempoh lesen
9. Lesen tidak boleh dipindah milik
10. Pemberian, penggantungan atau pembatalan lesen
11. Perubahan butir-butir lesen
12. Penggantian lesen yang telah hilang atau rosak
13. Mempamerkan lesen

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN

14. Daftar pekerja
15. Pemeriksaan perubatan
16. Penggunaan langsir atau tabir lain untuk mengasingkan katil tidak boleh melebihi 2 meter tinggi
17. Bilik salin pakaian yang berasingan
18. Kewajipan pemegang lesen

BAHAGIAN IV

AM

19. Kuasa memasuki dan memeriksa tempat lesen
20. Kesalahan
21. Pindaan Jadual
22. Peraturan-peraturan
23. Peruntukan-peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA — PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

JADUAL KEDUA — BAYARAN

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
[Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3)]

PERINTAH ESTABLISMEN KECANTIKAN DAN KESIHATAN, 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang

1. [1] Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Establismen Kecantikan dan Kesihatan, 2016 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2016.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk mengawal selia establismen kecantikan dan kesihatan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya”.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“mengiklankan” bermakna mengiklankan melalui papan kenyataan, pekeliling dan segala bentuk bahan bercetak atau bertulis;

“pegawai yang diberi kuasa” bermakna seseorang yang dilantik sedemikian di bawah bab 4;

“establismen kecantikan dan kesihatan” bermakna mana-mana premis yang menyediakan mana-mana satu atau gabungan perkhidmatan atau kemudahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“lesen” bermakna suatu lesen yang dikeluarkan di bawah bab 6(3);

“tempat berlesen” bermakna establismen kecantikan dan kesihatan yang berkaitan dengannya suatu lesen telah dikeluarkan;

“pihak berkuasa melesen” bermakna pihak berkuasa melesen yang dilantik di bawah bab 3;

“Menteri” bermakna Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pihak berkuasa melesen

3. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik pihak berkuasa melesen bagi maksud-maksud Perintah ini.

(2) Pihak berkuasa melesen itu hendaklah, tertakluk kepada apa-apa arahan Menteri, bertanggungjawab bagi penyeliaan am dalam melaksanakan dan mentadbir Perintah ini.

Pegawai yang diberi kuasa

4. Menteri boleh, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik sebilangan pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan tertentu Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

BAHAGIAN II

LESEN

Lesen untuk menjalankan establismen kecantikan dan kesihatan

5. Tiada seorang pun boleh menjalankan suatu establismen kecantikan dan kesihatan melainkan jika dia memiliki suatu lesen yang sah.

Permohonan lesen

6. (1) Seseorang yang ingin mendapatkan suatu lesen hendaklah membuat suatu permohonan kepada pihak berkuasa melesen dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa melesen.

(2) Apabila menerima sebarang permohonan di bawah ceraian (1), pihak berkuasa melesen boleh menghendaki pemohon untuk memberikan kepadanya maklumat tambahan sebagaimana yang mungkin dikehendakinya.

(3) Selepas menerima suatu permohonan di bawah ceraian (1) dan apa-apa maklumat tambahan di bawah ceraian (2) dan setelah bayaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dibuat, pihak berkuasa melesen boleh —

(a) mengeluarkan suatu lesen kepada pemohon untuk menjalankan suatu establismen kecantikan dan kesihatan yang diperihalkan dalam nama dan alamat yang dinyatakan dalam permohonan itu;

(b) mengeluarkan lesen itu dengan atau tanpa syarat sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu; atau

(c) enggan mengeluarkan suatu lesen.

Pembatalan kelayakan

7. Lesen tidak boleh dikeluarkan —

(a) kepada seorang pemohon yang berumur 18 tahun ke bawah;

(b) berkaitan dengan premis yang, pada pendapat pihak berkuasa melesen, tidak sesuai untuk beroperasi sebagai suatu establismen kecantikan dan kesihatan; atau

(c) jika pemohon gagal memberikan suatu akuanji bahawa orang yang mempunyai kelayakan atau kemahiran yang diperlukan akan diambil bekerja.

Tempoh lesen

8. Tiap-tiap lesen hendaklah sah bagi tempoh selama 3 tahun dari tarikh lesen itu dikeluarkan, melainkan jika digantung atau dibatalkan.

Lesen tidak boleh dipindah milik

9. Pemegang lesen tidak boleh memindah milik lesennya kepada, atau membenarkan lesennya untuk digunakan oleh, orang lain.

Pemberian, penggantungan atau pembatalan lesen

10. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan ceraian (3), pemberian apa-apa lesen yang dikeluarkan, atau akan dikeluarkan di bawah Perintah ini hendaklah mengikut budi bicara mutlak pihak berkuasa melesen.

(2) Pihak berkuasa melesen boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen yang diberikan kepada mana-mana orang apabila dibuktikan sehingga memuaskan hatinya suatu kesalahan terhadap Perintah ini atau salah laku lain oleh orang itu.

(3) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan penolakan pihak berkuasa melesen untuk memberikan suatu lesen atau dengan suatu keputusan pihak berkuasa melesen untuk menggantung atau membatalkan suatu lesen

boleh, dalam masa 14 hari dari tarikh menerima notis penolakan, penggantungan atau pembatalannya, merayu secara bertulis kepada Menteri, yang keputusannya adalah muktamad.

Perubahan butir-butir lesen

11. Apabila sebarang perubahan dibuat atau terdapat pada nama atau alamat tempat berlesen, pemegang lesen hendaklah dalam masa 30 hari dari perubahan itu —

(a) memberikan kepada pihak berkuasa melesen suatu pernyataan bertulis yang menyatakan jenis dan tarikh perubahan itu; dan

(b) menyerahkan balik lesen itu kepada pihak berkuasa melesen,

dan pihak berkuasa melesen hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, mengeluarkan suatu lesen baru kepada pemegang lesen.

Pengantian lesen yang telah hilang atau rosak

12. (1) Jika terbukti sehingga memuaskan hati pihak berkuasa melesen bahawa suatu lesen telah hilang, musnah atau cacat atau rosak hingga tidak dapat dibaca, pihak berkuasa melesen boleh, setelah menerima suatu permohonan daripada pemegang lesen dan setelah bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dibuat, mengeluarkan suatu lesen gantian kepada pemegang lesen, dan lesen gantian yang dikeluarkan itu hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen asal.

(2) Jika pada bila-bila masa selepas pengeluaran suatu lesen gantian lesen asal itu dijumpai, pemegang lesen hendaklah mengembalikan lesen asal itu kepada pihak berkuasa melesen.

Mempamerkan lesen

13. Setiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya di suatu tempat yang mudah dilihat di tempat berlesen.

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN PEMEGANG LESEN

Daftar pekerja

14. (1) Pemegang lesen hendaklah menyelenggarakan suatu daftar yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, kelayakan atau kemahiran dan apa-apa butir lain yang berkaitan mengenai pekerja-pekerjanya,

serta gambar-gambar pekerjaanya, dan hendaklah mengemukakan daftar itu untuk pemeriksaan apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa melesen.

(2) Pemegang lesen hendaklah, apabila mengambil seorang pekerja, mengemukakan butir-butir pekerja itu kepada pihak berkuasa melesen dan hendaklah memberitahu pihak berkuasa melesen mengenai apa-apa perubahan butir-butir pekerja itu.

Pemeriksaan perubatan

15. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa dia, jika dia juga seorang pekerja, dan pekerjaanya menjalani, sekali setiap 2 tahun, pemeriksaan perubatan dan menerima sijil perubatan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Pengamal Perubatan dan Doktor Gigi (Penggal 112).

Penggunaan langsir atau tabir lain untuk mengasingkan katil tidak boleh melebihi 2 meter tinggi

16. (1) Pemegang lesen boleh, di tempat-tempat yang digunakan untuk mengurut atau untuk memelihara mana-mana bahagian badan atau muka menggunakan langsir atau tabir lain yang dibuat daripada apa-apa bahan yang ditentukan oleh pihak berkuasa melesen untuk mengasingkan katil-katil tetapi langsir atau tabir tersebut tidak boleh melebihi 2 meter tinggi yang diukur dari lantai.

(2) Pintu mana-mana tempat di mana perkhidmatan diberikan atau kemudahan disediakan tidak boleh dikunci.

Bilik salin pakaian yang berasingan

17. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa terdapat ruang yang sepatutnya dan berasingan untuk bersalin pakaian bagi pelanggan lelaki dan perempuan.

Kewajipan pemegang lesen

18. (1) Pemegang lesen tidak boleh —

(a) membenarkan mana-mana orang yang diketahui atau disyakinya dengan munasabah menghidap penyakit berjangkit atau penyakit boleh merebak memasuki establismen kecantikan dan kesihatan;

(b) mengambil bekerja di establismen kecantikan dan kesihatan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai menghidap penyakit berjangkit;

- (c) mengambil bekerja di establismen kecantikan dan kesihatan mana-mana orang yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah seorang pelacur atau orang yang mempunyai tingkah laku buruk;
- (d) berpakaian tidak sesuai atau membenarkan pekerja untuk berpakaian tidak sesuai di dalam establismen kecantikan dan kesihatan;
- (e) membenarkan pekerja lelaki untuk merawat pelanggan perempuan dan begitu jugalah sebaliknya;
- (f) merawat pelanggan lelaki dan perempuan di tempat rawatan yang sama;
- (g) membenarkan mana-mana binatang untuk memasuki, berada atau dipelihara di dalam establismen kecantikan dan kesihatan; dan
- (h) mempamerkan apa-apa fotograf, gambar, barang atau benda lucuah di dalam pusat kecantikan dan kesihatan.

(2) Ceraian [1]/(e) dan /(f) tidak dikenakan kepada suatu premis yang menyediakan gimnasium atau suatu perkhidmatan atau kemudahan aerobik.

BAHAGIAN IV

AM

Kuasa memasuki dan memeriksa tempat berlesen

19. Pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh memasuki dan memeriksa suatu tempat berlesen dan memeriksa semua buku atau dokumen lain yang dijumpai di tempat berlesen itu dan memindahkannya untuk pemeriksaan lanjut.

Kesalahan

20. Mana-mana orang yang —

- (a) menjalankan suatu establismen kecantikan dan kesihatan yang berkaitan dengannya dia tidak memegang suatu lesen yang sah;
- (b) bagi maksud mendapatkan, sama ada untuk dirinya sendiri atau mana-mana orang lain, pengeluaran mana-mana lesen di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini membuat apa-apa perisyiharan atau pernyataan yang palsu dalam sebarang butir material atau dengan mengetahui

mengubah, mengemukakan atau menggunakan apa-apa perisyiharan atau pernyataan tersebut atau apa-apa dokumen yang mengandunginya ;

(c) enggan membenarkan pihak berkuasa melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk memasuki atau memeriksa mana-mana tempat berlesen yang pegawai itu diberi kuasa di bawah Perintah ini untuk memasuki dan memeriksanya atau menghalang mana-mana pegawai itu dalam melaksanakan kewajipannya di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

(d) menjalankan suatu establismen kecantikan dan kesihatan dengan melanggar peruntukan-peruntukan Perintah ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat suatu lesen; atau

(e) mengeluarkan, menerbitkan atau memaparkan atau menyebabkan untuk dikeluarkan, diterbitkan atau dipaparkan apa-apa iklan berkaitan dengan establismen kecantikan dan kesihatan yang tidak dilesenkan menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pindaan Jadual

21. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual-Jadual kepada Perintah ini.

Peraturan-peraturan

22. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang dianggapnya perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan apa-apa bayaran atau perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan itu boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

Peruntukan-peruntukan peralihan

23. (1) Pihak berkuasa melesen yang dilantik di bawah Akta yang dimansuhkan sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah terus menjadi pihak berkuasa melesen di bawah Perintah ini seolah-olah pihak berkuasa melesen itu telah dilantik di bawah bab 3.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang dilantik di bawah Akta yang dimansuhkan sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah terus menjadi pegawai yang diberi kuasa di bawah Perintah ini seolah-olah pegawai yang diberi kuasa itu telah dilantik di bawah bab 4.

(3) Dalam bab ini, "Akta yang dimansuhkan" bermakna Akta Lesen Perniagaan (Penggal 127) yang dimansuhkan oleh Perintah Akta Lesen Perniagaan (Pemansuhan), 2016.

**JADUAL PERTAMA
(bab-bab 2 dan 21)**

PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

Aerobik

Aromaterapi

Tukang gunting rambut

Melangsingkan badan

Kosmetik

Rawatan muka dan badan

Gimnasium

Salun rambut

Merias kuku tangan dan kaki

Urut

Refleksologi

Spa, termasuk kolam air panas atau sejuk

JADUAL KEDUA
(bab-bab 6, 12 dan 21)

BAYARAN

Pengeluaran atau pembaharuan lesen sah bagi tempoh 3 tahun \$300

Lesen gantian \$10.

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 3 haribulan Ogos, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**